

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN]

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi membendung masalah keganasan berdasarkan gender.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keganasan berdasarkan gender (*Gender based violence*) seringkali dikaitkan dengan aspek keganasan rumah tangga dan juga gangguan seksual yang lazimnya melibatkan mangsa dalam kalangan wanita.

Berhubung dengan isu keganasan rumah tangga, ia ditangani melalui peruntukan perundangan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1984 [Akta 521] yang turut memperuntukkan perlindungan kepada mangsa dari pelaku melalui Perintah Perlindungan Kecemasan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi keganasan rumah tangga yang memerlukan tindakan segera iaitu keganasan berbentuk fizikal. Selain itu, mangsa juga boleh mendapatkan perlindungan melalui Perintah Perlindungan Sementara dan Perintah Perlindungan yang dikeluarkan oleh mahkamah.

Bagi memastikan akses kepada sistem sokongan sosial, Kementerian juga menyediakan perkhidmatan kaunseling bukan sahaja

secara bersemuka tetapi secara atas talian. Selain menyediakan Tempat Selamat, Kementerian juga bekerjasama rapat dengan badan-badan bukan Kerajaan dalam menempatkan mangsa di rumah-rumah perlindungan. Advokasi dan pesanan khidmat masyarakat berterusan juga merupakan antara agenda utama Kementerian ini dengan kerjasama badan bukan kerajaan dalam memberikan kesedaran kepada semua pihak untuk mencegah dan menangani perlakuan keganasan rumah tangga. Sinergi antara Kerajaan dan badan bukan Kerajaan dalam menangani isu keganasan rumah tangga ini boleh dilihat melalui penubuhan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga yang telah ditubuhkan pada tahun 2019.

Bagi menangani gangguan seksual pula, Kementerian ini sedang giat memperkemas penggubalan draf Rang Undang-undang Gangguan Seksual. Ianya dilaksanakan melalui pengumpulan input dan cadangan melalui penubuhan pasukan khas yang dianggotai oleh pihak-pihak yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan dalam bidang ini yang terdiri daripada wakil agensi Kerajaan, ahli-ahli akademik, badan-badan bukan Kerajaan khususnya yang melibatkan pertubuhan wanita. Cadangan penggubalan Rang Undang-undang ini bertujuan untuk melengkapi perundangan dan pekeliling serta arahan pentadbiran yang berkuatkuasa agar kes-kes berkaitan gangguan seksual dapat ditangani dengan lebih holistik dan berkesan.

Selain itu, Kementerian ini juga akan meneruskan usaha untuk menggubal deraf Rang Undang-undang berkaitan kesaksamaan gender setelah RUU Gangguan Seksual selesai dibentangkan di Parlimen kelak. Kementerian berpandangan melalui usaha-usaha ini, isu keganasan mahupun diskriminasi berdasarkan gender dapat ditangani dengan lebih efektif dan akan menyumbang kepada peningkatan manfaat, sumbangan dan penyertaan wanita dalam pembangunan negara.